



CHAPTER 7: MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

Disediakan oleh sir irwan



7.1 PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL

Maksud Perpaduan dan Integrasi Nasional

Perpaduan Kaum	<ul style="list-style-type: none">• Keadaan rakyat daripada pelbagai etnik, agama dan wilayah hidup dengan aman dalam masyarakat yang bersatu.• Memberikan komitmen yang penuh kepada identiti kebangsaan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.
Integrasi Nasional	<ul style="list-style-type: none">• Merupakan satu proses dinamik yang merapatkan hubungan masyarakat antara negeri dengan wilayah bagi membentuk satu bangsa.• Mempunyai identiti sendiri berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.







LATAR BELAKANG HUBUNGAN KAUM



- Pentadbiran British memisahkan kaum dari segi kegiatan ekonomi dan petempatan.
- Menyukarkan setiap kaum memahami adat resam dan budaya kaum lain.
- Antara faktor yang menjadi punca kepada masalah perpaduan :
 - Kesan pentadbiran
 - Kegiatan Ekonomi dan Petempatan
 - Sistem Pendidikan
 - Fahaman Politik








MEMPERKASAKAN PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL POLITIK

-  Menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara di bawah MAGERAN.
 - Jabatan ini mendraf Rukun Negara.
 -  Majlis Muhibah Negara (18 Julai 1969).
 - Majlis ini bertujuan menggalakkan perkembangan perasaan muhibah antara masyarakat berbilang kaum.
 -  Majlis Perundingan Negara (29 Januari 1970).
 - Mengadakan garis panduan bagi kerjasama antara kaum dan integrasi nasional.
 - Bertujuan memupuk identiti kebangsaan dalam kalangan rakyat.
 -  Membentuk parti politik pelbagai kaum.
 - Mewujudkan keharmonian dan kestabilan politik selepas peristiwa 13 Mei 1969.
 -  Menyelaraskan perkhidmatan awam.
 - Mewujudkan integrasi antara negeri.
- 



MEMPERKASAKAN PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL EKONOMI

-  Meneruskan Rancangan Pembangunan Lima Tahun.
 - Memberi tumpuan kepada pertumbuhan ekonomi semua kaum.
 -  DEB dan DPN
 - Untuk kemakmuran ekonomi rakyat dan negara.
 - Pembangunan melalui rancangan pembangunan tanah yang mampu menambah pendapatan rakyat dan membasmi kemiskinan.
 -  Zon Perindustrian Bebas
 - Memajukan bidang perindustrian dan perdagangan.
- 
- 



MEMPERKASAKAN PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL SOSIAL



Menambah baik Dasar Pendidikan Kebangsaan.



- Bertujuan mengukuhkan perpaduan kaum dan integrasi nasional.

Laporan Rahman Talib, Laporan Jawatankuasa Kabinet & Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

- Mengukuhkan sistem pendidikan.



- Melahirkan rakyat yang patriotik dan mempunyai semangat cinta akan negara.

Akta Bahasa Kebangsaan

- Memperkasakan bahasa Melayu sebagai kebangsaan.



Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

- Sebagai pusat ilmu dan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi menyebarkan luas penggunaan bahasa kebangsaan.



DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN

LATAR BELAKANG DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN

- Dibentuk untuk memupuk perpaduan kaum.
- Dilaksanakan melalui Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 / Penyata Razak 1956 dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran 1957.
- Dasar pendidikan sebelum ini disemak semula pada 1960 yang hasilkan Laporan Rahman Talib dan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979.

LAPORAN RAHMAN TALIB

- Pengerusinya adalah Abdul Rahman Talib pada tahun 1960.
- Untuk menyemak semula dan mengukuhkan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956.
- Menjadi asas penggubalan Akta Pelajaran 1961.
- Mengekalkan teras sistem pendidikan kebangsaan untuk memupuk perpaduan dan integrasi.
- Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.
- Kurikulum yang sama dan berorientasikan negara.
- Menekankan mata pelajaran Sejarah.
- Mewajibkan mata pelajaran Tatarakyat.

DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN

KAJIAN AMINUDDIN BAKI

- Laporan Rahman Talib ditambahbaik dengan Kajian Aminuddin Baki.
- Memperkenalkan sistem persekolahan aneka jurusan.
- Memperkenalkan kursus kemahiran.
- Mewujudkan sekolah kebangsaan.

LAPORAN JAWATANKUASA KABINET

- Ditubuh pada September 1974.
- Fungsinya adalah untuk mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan.
- Antara kandungan Laporan Jawatankuasa Kabinet:
 - Bahasa Melayu menjadi mata pelajaran wajib dalam peperiksaan awam.
 - Penegasan kepada pendidikan kerohanian melalui Pendidikan Islam dan Moral.
 - Menekankan aktiviti kokurikulum melalui unit beruniform, sukan dan permainan serta persatuan.
- Hasil daripada laporan ini menghasilkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada 1982.
- Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dan Falsafah Pendidikan Negara digubal pada 1988.





DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN


- Falsafah Pendidikan Kebangsaan digubal pada 1988.
- Untuk memperteguh hala tuju dan matlamat pendidikan negara ke arah perpaduan.
- Ditukar ke Falsafah Pendidikan Kebangsaan pada 1996.
- Menekankan pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu.

AKTA PENDIDIKAN 1996


- Bahasa kebangsaan diperkukuh dengan menjadi bahasa pengantar.
 - Menjadi pelajaran wajib di semua sekolah.
 - Institusi pendidikan swasta kena mengadakan pengajaran bahasa kebangsaan, Pengajian Malaysia dan Pendidikan Islam dan Moral.
- 
- 




TEKNIK MENGHAFAL FAKTA




CARI PAST TRIAL SPM 2024
SEJARAH DAN ASINGKAN SKEMA
MENGIKUT BAB BY BAB



BACA SETIAP HARI SEBELUM
TIDUR ATAU PERGI SEKOLAH &
CUTI SEKOLAH .



BIASAKAN BACA DAN KORANG
TRY TANYA DIRI SENDIRI APA
YANG KORANG HAFAL . KALAU
STILL TAK INGAT BACA BALIK.



CONTOH CARA MENJAWAB MASA EXAM

SULIT 1249/2

Bahagian B
[60 markah]
Jawab tiga soalan sahaja.

perjuangan menentang penjajahan
perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara

5. Nasionalisme di Asia Tenggara berakar umbi daripada gerakah membebaskan diri daripada penjajahan kuasa Barat.

(a) Terangkan maksud nasionalisme. [4 markah] 4M

(b) Jelaskan perkembangan nasionalisme di negara berikut:
i) Filipina [4 markah] 4M
ii) Indonesia [4 markah] 4M

(c) Baca maklumat dalam petikan berikut.
Semangat patriotisme dan cinta negara bukanlah perkara yang mampu timbul sendiri dalam diri setiap individu. Ia perlu dipupuk sejak kecil lagi. Ini adalah sesuatu yang amat penting terutama dalam kalangan generasi muda agar mereka mengetahui perjuangan tokoh terdahulu yang berjuang dengan peluh keringat, darah, serta sanggup mengorbankan nyawa. Generasi muda tidak pernah melalui pahit getir zaman darurat, mereka lahir dan hidup dalam era yang diwarisi daripada generasi sebelumnya yang berjuang dengan sepenuh hati mempertahankan maruah bangsa dan kedaulatan negara.
Sumber: www.bharian.com.my

Jelaskan maklumat dalam petikan tersebut dan kesan sekiranya tidak mempunyai semangat patriotisme. [8 markah] 8M

6. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani pada 21 Januari 1948 antara Raja-raja Melayu dengan Sir Edward Gent, wakil kerajaan British di King House, Kuala Lumpur.


(a) Mengapakah Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya dibentuk? [6 markah] 6M
(b) Jelaskan kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948. [6 markah] 6M
(c) Beri ulasan anda berkaitan petikan berikut.

Anggota masyarakat juga perlu terus menyuburkan budaya toleransi dan bertolak ansur antara satu sama lain. Kita perlu banyak belajar daripada generasi terdahulu yang sanggup bertolak ansur dengan mengetepikan segala ego serta kepentingan peribadi dan etnik masing-masing demi membuktikan kepada penjajah bahawa kita mampu bersatu hati dan bersedia untuk merdeka serta mampu membentuk negara dan pentadbiran sendiri dalam suasana kehidupan yang harmoni serta stabil.
Sumber : <https://www.bernama.com>, Januari 2024.


[8 markah]

7. Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 dan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 pula mengukuhkan serta memantapkan negara bangsa yang bebas dan berdaulat.

(a) Terangkan maksud kedaulatan. [4 markah] 4M
(b) Jelaskan ciri-ciri negara yang berdaulat. [8 markah] 8M
(c) "Undang-undang penting untuk mewujudkan keamanan dan kemakmuran negara".
Jelaskan. [8 markah] 8M



LATIH TUBI



1

Pada pendapat anda , wajarkah kelab rukun negara ditubuhkan?

3

“ Bahasa Melayu sebagai alat perpaduan “


Buktikan kebenaran pernyataan tersebyt.





2

Pada pendapat anda , apakah kepentingan perpaduan kepada negara kita ?

4

Pada pendapat anda , mengapakah perpaduan kaum diberikan keutamaan di negara kita ?





THANK YOU

